

Lawatan Negara Peningkat Hubungan Malaysia-Thailand - Agong Bernama
4 Sept, 2013
Daripada Norhayati Mohd Akhir

BANGKOK, 4 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah bertitah lawatan negara Seri Paduka ke Thailand dapat meningkatkan lagi hubungan dua hala kedua-dua negara.

Seri Paduka, yang diiringi Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah, bertitah sebagai negara berjiran, hala tuju dan masa depan Malaysia dan Thailand saling berkesinambungan.

"Seterusnya, ini menggalakkan jalinan persahabatan dan perhubungan yang lebih rapat dan akrab," titah Seri Paduka ketika menyampaikan ucapan balas pada majlis santapan negara yang dihoskan Putera Mahkota Thailand Putera Maha Vajiralongkorn di Dewan Singgahsana, Istana Besar Chakri Maha Prasad di sini Selasa malam.

Keberangkatan tiba Seri Paduka berdua disambut Putera Maha Vajiralongkorn dan Puteri Maha Chakri Sirindhorn disusuli lagu kebangsaan kedua-dua negara.

Tuanku Abdul Halim turut melahirkan rasa gembira melihat hubungan diplomatik Malaysia dan Thailand yang terjalin selama 56 tahun dan telah membawa keamanan serta kemakmuran kepada kedua-dua negara.

"Beta yakin Malaysia dan Thailand akan terus meningkatkan lagi hubungan dua hala dan mengembangkan kerjasama serantau, terutama dengan kewujudan komuniti Asean menjelang 2015," titah Seri Paduka.

Tuanku Abdul Halim turut merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Raja Thailand Raja Bhumibol Adulyadej atas pemberian anugerah 'The Knight of the Most Illustrious Order of the Royal House of Chakri' kepada baginda dan 'The Most Illustrious Order of Chula Chom Klao' kepada Raja Permaisuri.

Seri Paduka yakin pemberian anugerah itu akan meningkatkan lagi hubungan akrab antara dua negara yang berdaulat.

Sebelum majlis santapan bermula, Putera Maha Vajiralongkorn dalam ucapan alu-aluannya menzahirkan rasa gembira dengan kehadiran Seri Paduka berdua ke Thailand malah menyuarakan keyakinan baginda bahawa kerjasama erat Malaysia dan Thailand akan terus menghasilkan banyak lagi kelebihan kepada kedua-dua negara.

Putera Mahkota turut berkata Malaysia dan Thailand adalah negara berjiran yang dikurniakan hubungan setiakawan yang akrab dan ia adalah berdasarkan kepada asas kukuh kemerdekaan, kebebasan, keikhlasan serta kesaksamaan.

"Hubungan begini banyak menyumbang kepada persefahaman bersama dan kerjasama di semua peringkat dalam pelbagai bidang," katanya.

Tuanku Abdul Halim dan Tuanku Hajah Haminah tiba di Thailand Isnin untuk lawatan negara selama tiga hari.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=974963>